

**Pelaburan bioteknologi RM1.75b
Utusan Online
12 April, 2013**

KUALA LUMPUR 11 April - Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) berharap mampu menarik pelaburan bernilai RM1.75 bilion dalam sektor berkaitan bioteknologi dalam negara pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, jangkakan itu bakal menaikkan lagi nilai keseluruhan pelaburan di dalam Fasa Kedua Dasar Bioteknologi Kebangsaan.

Katanya, fasa kedua bagi tempoh dari 2011 hingga 2015 itu, menyasarkan untuk menarik pelaburan bernilai RM9 bilion, sudah pun dilepasi mencecah RM12 bilion.

Jelas Mohd. Nazlee, pencapaian di dalam sektor bioteknologi itu penting dalam usaha negara mencapai status maju.

Fasa pertama bagi tempoh 2005 hingga 2010 telah mencatatkan nilai pelaburan bernilai RM5.4 bilion dengan sumbangan 2.2 peratus kepada keluaran dalam negara kasar.

Mohd Nazlee berkata, antara syarikat multi nasional yang melabur di sini ialah Amerika Syarikat, Itali, Perancis, Jerman dan Jepun.

Katanya lagi, antara usaha bagi menarik pelaburan itu adalah dengan penyertaan di dalam pameran antarabangsa bagi menguar-uarkan potensi pelaburan sektor bioteknologi di Malaysia.

Artikel

Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130412/ek_04/Pelaburan-bioteknologi-RM175b#ixzz2a00ijmaF

© Utusan Melayu (M) Bhd